

15/03/2002

Malaysia, Russia perkukuh hubungan

Ahmad Rejal Arbee

MOSCOW, Khamis - Malaysia dan Russia harus mewujudkan perkongsian pintar dengan mengambil kira kemahiran masing-masing dalam usaha meningkatkan lagi hubungan yang sedia terjalin antara kedua-dua negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kedua-dua negara juga harus memelihara hubungan yang luas asasnya selain mewujudkan berkepelbagaian bagi faedah kedua-dua negara.

"Kedua-dua negara juga wajar mengambil kira kemahiran masing-masing bagi memanfaatkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin.

"Lawatan saya ke sini hari ini ialah untuk menegaskan komitmen Malaysia terhadap semangat persahabatan dan kerjasama ini," katanya berucap pada majlis makan tengah hari yang dihoskan Presiden Vladimir Putin di Kremlin hari ini.

Dr Mahathir, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di sini malam tadi untuk lawatan tiga hari dalam rangka lawatan sembilan hari ke tiga negara yang akan turut membawanya ke Jerman dan Poland.

Perdana Menteri berkata, terdapat potensi luas untuk kedua-dua negara meningkatkan kerjasama berdasarkan pengetahuan dan kepakaran masing-masing.

Malaysia, kata Dr Mahathir berpengalaman dalam ekonomi pasaran selain kewujudan prasarana sektor industri dan perdagangan manakala Russia berkepakaran dalam bidang sains dan teknologi.

Dr Mahathir juga menyambut baik aliran positif dalam kerjasama perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara tetapi merasakan bahawa banyak lagi yang perlu dilakukan.

Perdana Menteri sebelum itu mengadakan rundingan selama sejam dengan Putin bagi meningkatkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara selain membincangkan isu semasa.

Turut serta dalam perbincangan itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar. Perbincangan itu diikuti oleh mesyuarat rombongan rasmi Malaysia dengan pegawai-pegawai Russia.

Mesyuarat itu juga disertai lima menteri dan empat menteri besar yang berada dalam delegasi Malaysia.

Ini adalah lawatan kedua beliau ke Russia selepas mengunjungi wilayah Khabarovsk dan Buryatia pada Ogos 1999. Dr Mahathir berada di Moscow pada 1987 bagi lawatan rasmi pertamanya ke Russia sebelum keruntuhan Soviet Union pada 1991.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, beliau dan Putin telah menggariskan usaha meningkatkan arah tuju kerjasama antara kedua-dua negara pada masa depan.

"Kedua-dua negara harus mencari jalan mempelopori bidang baru bagi menentukan kerjasama antara mereka mencakupi bidang yang lebih luas dan berbagai untuk kebaikan bersama," katanya.

Bidang baru itu termasuk pendidikan, kebudayaan dan pelancongan.

Dr Mahathir berkata, pihak swasta kedua-dua negara juga perlu digalakkan meluaskan hubungan dan perdagangan pelbagai produk keluaran masing-masing.

"Dewan-dewan perniagaan kedua negara perlu lebih aktif untuk menggalakkan pengeksport and pengimport kedua-dua negara mengenal pasti barangan yang boleh diperdagangkan antara mereka," katanya sambil menambah, dewan itu juga perlu merintis usaha mengadakan perdagangan terus dan tidak menerusi negara ketiga.

Perdagangan dua hala antara kedua-dua negara adalah AS\$300 juta setahun,

satu jumlah yang dianggapnya amat kecil, berbanding saiz potensi pasaran Russia.

"Pihak swasta kedua-dua negara harus berusaha untuk mewujudkan pakatan strategik bagi faedah bersama," katanya.

Dr Mahathir dan rombongan pagi tadi melawat Pusat Perkhidmatan Pemantauan Hydrometeorology dan Alam Sekitar (Rosgidromet) di sini sebelum meletakkan kalungan bunga di pusara tentera.

Petang ini, Dr Mahathir memberikan ucap tama di Forum Perdagangan Malaysia-Russia diikuti dialog bersama kira-kira 400 ahli korporat dan perdagangan.

(END)